

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	10 October 2015



## PM mahu lebih banyak Agro Bazaar Rakyat diwujudkan

Oleh **HUSSAINI AMRAN**  
hussaini.amran@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 9 Okt.** - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan bersedia menyalurkan peruntukan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi mewujudkan lebih banyak Agro Bazaar Rakyat di seluruh negara.

Perdana Menteri memberitahu, inisiatif itu memberi pilihan kepada rakyat untuk mendapatkan produk pertanian pada harga berpatutan.

Menurut beliau, para petani juga berpeluang meraih pendapatan lebih tinggi pada kadar harga saksama dengan pengeluaran mereka.

"Ini akan ldtta perkasakan, kalau kita boleh menjamin bukan sahaja bekalan makanan yang cukup.

"Kita juga hendak memastikan harga ayam, ikan dan daging setiap hari berpatutan terutama kepada

rakyat supaya mereka merasakan hidup dalam negara ini adalah rahmat yang besar," katanya ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Yang turut hadir, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek; Timbalannya, Datuk Tajuddin Abdul Rahman dan Nogeh Gumbek dan Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Seri Saipolbahari Suib.

Najib menambah, pembukaan lebih banyak Agro Bazaar Rakyat adalah penting memandangkan isu kos sara hidup dianggap sangat penting oleh rakyat.

"Yang menjadi perhatian rakyat ialah soal kos sara hidup, di mana mana tempat pun mereka sebut tentang kos sara hidup," ujarnya.

Perdana Menteri turut menyarankan supaya hasil eksport pertanian negara diperluaskan pasarannya melalui rantaian pasar raya besai di luar negaia termasuk di Asia Barat.

Beliau memberitahu, bidang peitanian tidak sehausnya teihad kepada dalam sempadan negara sahaja.

"Kalau dapat separuh (pasaran) kepada petani kita, sudah tentu meieka boleh menjadi golongan be-, pendapatan sedehana," jelasnya.

Najib beikata, bidang peitanian di negaia ini juga memeilukan suntikan dari segi teknologi dan inovasi.

"Mungkin tanah teibiai kita boleh guna pakai dan lebih penting, suntikan teknologi dan inovasi dari peringkat awal," katanya.

Beliau memberitahu, penggunaan teknologi beidasaikan amalan peitanian baik peilu dimanfaatkan dari peringkat awal seperti benih yang beikualiti.